Harta Packaging Industries (Perak) Sdn Bhd lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN JENAYAH NO AB-42S–21 TAHUN 2020 DAN SAMAN NO AB-63-5–10 TAHUN 2018

NOOR RUWENA PK

23 MAC 2023

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh dengan kesalahan di bawah s 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman denda RM30,000 — Sama ada alasan penghakiman tidak menjelaskan rasional oleh hakim bicara — Sama ada hakim bicara gagal dalam penilaian kehakiman mengenai fakta — Sama ada keterangan kecuaian pekerja mematahkan anggapan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 — Sama ada perayu telah mengambil segala tindakan setakat yang praktik dalam menyediakan tempat kerja yang selamat

Ini adalah rayuan perayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') yang mengenakan denda sebanyak RM30,000 untuk pertuduhan pindaan di bawah s 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ('AKKP'). Satu kemalangan pekerjaan telah berlaku kepada SP4 yang bekerja sebagai juruteknik di kilang perayu. Akibat kemalangan tersebut, SP4 mengalami kecederaan pada bahagian atas tapak tangan kanan kerana tersepit di antara 'rubber roller' dan 'metal roller' ketika membaiki bahagian 'feeder' mesin pencetak Flexo 2 di dalam kilang. Sepasukan pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ('JKKP') telah memulakan siasatan dan mendapati perayu telah gagal mengadakan prosedur kerja selamat dengan lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin pencetak Flexo 2 sehingga mengakibatkan kemalangan kepada SP4. Semasa siasatan JKKP, SP1 bagi pihak syarikat perayu telah menerima empat notis perbaikan dan perayu telah mematuhi semua syarat notis. Perayu kemudian dituduh di mahkamah sesyen atas pertuduhan pindaan. Walau bagaimanapun, perayu mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan pindaan dan perbicaraan telah dijalankan di hadapan HMS. Di akhir kes pendakwaan, HMS mendapati suatu kes prima facie telah dibuktikan dan memanggil perayu untuk membela diri. HMS telah mendapati bahawa perayu telah gagal mewujudkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan pindaan. Seterusnya, HMS menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM30,000 ke atas perayu dan memerintahkan denda hendaklah dibayar serta-merta. Oleh itu, rayuan ini terhadap sabitan dan hukuman. Perayu memfokuskan rayuannya kepada isu: (a) alasan penghakiman yang

tidak menjelaskan rasional oleh hakim bicara (*non-speaking judgment*); (b) kegagalan hakim bicara dalam penilaian kehakiman mengenai fakta (*judicial appreciation of facts*) terutamanya kes pembelaan yang dikatakan hanyalah penafian semata-mata; (c) keterangan SP4 yang mengakui bahawa dia sememangnya cuai semasa menjalankan tugas pada hari kejadian dan perayu telah menyediakan suatu persekitaran atau tempat kerja yang selamat; dan (d) sama ada majikan telah mengambil segala tindakan setakat yang praktik dalam menyediakan tempat kerja yang selamat.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) HMS telah menimbangkan keterangan dengan menggunakan beban pembuktian maximum evaluation sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang bagi kes di peringkat prima facie. HMS telah mengaplikasikan beban pembuktian yang betul kerana daripada penghakimannya menunjukkan HMS telah menimbangkan untuk memanggil pembelaan, hanya memadai terdapat keterangan yang boleh dipercayai terhadap perayu. Kesemua elemen pertuduhan telah dibuktikan kerana yang perlu ada dalam kes pendakwaan adalah suatu keterangan yang boleh dipercayai bahawa pihak majikan telah gagal menyediakan persekitaran kerja yang selamat di tempat kerja untuk keselamatan dan kesihatan pekerjanya. Dengan keterangan bahawa perayu telah mematuhi notis perbaikan yang dikeluarkan selepas siasatan JKKP, terdapat keterangan yang boleh dipercayai bahawa perayu sebagai majikan telah gagal untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan, dan kebajikan semasa bekerja pekerjanya SP4 iaitu gagal mengadakan prosedur kerja yang selamat dengan lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin pencetak Flexxo 2 sehingga menyebabkan kemalangan. HMS telah membincangkan kes pihak pembelaan dengan terperinci dan menimbangkan pembelaan tersebut. Dapatan HMS bahawa pembelaan perayu adalah bersifat penafian semata-mata bukanlah rumusan tanpa perbincangan oleh kerana jika dilihat dalam alasan penghakiman, HMS telah membincangkan beban pembuktian di akhir keseluruhan kes oleh pihak pendakwaan yang merangkumi perbincangannya mengenai kes pembelaan. Oleh yang demikian, hujahan perayu bahawa alasan penghakiman HMS adalah suatu non-speaking judgment adalah tidak berasas. Isu mengenai kegagalan HMS untuk membuat penilaian kehakiman atas fakta (*judicial appreciation of facts*) terutamanya kes pembelaan juga adalah tidak berasas (lihat perenggan 17, 22, 24 & 33).

(2) HMS telah menilai semua keterangan dan di akhir kes pembelaan. Perkara yang penting perlu diambil perhatian ialah mengenai dapatan HMS tentang isu notis perbaikan yang dikeluarkan oleh JKKP kepada perayu. Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh perayu bukanlah

keseluruhannya sekadar penambahbaikan seperti yang diujarkan oleh perayu. Pengeluaran empat notis tersebut oleh pihak JKKP adalah kerana hasil siasatan JKKP, kemalangan tersebut telah berlaku dan tiada *standard operating procedure* ('SOP') yang lengkap disediakan oleh perayu sebelum kemalangan. Sebelum kemalangan berlaku, daripada pengakuan SD1, perayu telah mempunyai pengetahuan berkenaan risiko-risiko yang wujud semasa kerja-kerja pembaikan mesin Flexxo 2 dijalankan oleh SP4. Tafsiran 'boleh dipraktikkan' di bawah s 3 AKKP dan keterangan yang telah dikemukakan adalah jelas bahawa perayu telah gagal memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja semasa bekerja kerana perayu gagal untuk mengambil kira faktor-faktor seperti bahaya risiko, pengetahuan tentang risiko, cara untuk menghapus atau mengurangkan risiko dan penyediaan serta kesesuaian tentang cara bagaimana kos untuk menghapus dan mengurangkan risiko dapat dibuat dengan mengadakan prosedur kerja selamat dengan lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin pencetak Flexxo 2 sehingga mengakibatkan kemalangan kepada SP4. Kecederaan yang dialami oleh SP4 walaupun diakui adalah kecuaiannya sendiri, namun ia tidak menidakkan tanggungjawab majkan iaitu perayu untuk menyediakan suasana dan persekitaran tempat kerja yang selamat seperti diperuntukkan dalam s 15(1) AKKP. Punca sebenar kemalangan tersebut ialah kegagalan perayu untuk menetapkan atau mempamerkan SOP yang lengkap dan diluluskan oleh JKKP dan memastikan pekerja mendapat latihan yang mencukupi. Kerja-kerja pembaikan mesin Flexxo 2 adalah berisiko tinggi dan siasatan JKKP menunjukkan SOP sedia ada yang disediakan oleh perayu bagi kerja-kerja pembaikan mesin adalah terlalu umum. Pemakaian SOP yang sama bagi kerja-kerja pembaikan setiap mesin tersebut adalah tidak praktik untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko yang wujud. Perayu mempunyai kewajipan di bawah s 15 AKKP untuk menyediakan suatu prosedur kerja selamat yang lengkap kepada pekerjanya bagi memastikan keselamatan setiap pekerjanya pada setiap masa bekerja. Kegagalan perayu menyediakan prosedur kerja selamat yang lengkap telah menyebabkan pekerja khususnya seperti SP4 menganggap kaedah kerja yang sedang diamalkan adalah cukup selamat sedangkan keadaan yang sebenar adalah sebaliknya (lihat perenggan 37–38, 40, 43–44, 46 & 49–50).

(3) Kecuaian SP4 (yang boleh dikategorikan dalam s 24(1) AKKP) tidak mengatasi overriding duty of the employer iaitu perayu sebagai majikan hendaklah menyediakan persekitaran kerja yang selamat. Hukuman untuk kesalahan di bawah s 15 AKKP adalah lebih tinggi berbanding hukuman yang diperuntukkan di bawah s 24(2) AKKP. Parlimen telah menggubal undang-undang sosial ini yang menjaga keseluruhan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja termasuk tanggungjawab oleh pekerja terhadap dirinya sendiri. Namun begitu, adalah menjadi tanggungjawab

utama oleh majikan untuk menyediakan tempat kerja yang selamat untuk semua pekerjanya. Dalam tempoh tujuh hari sahaja perayu telah memperbetulkan kegagalan yang dilaporkan dalam notis perbaikan dengan penambahbaikan yang dibuat. Ini bermakna penambahbaikan tersebut adalah praktikal untuk dibuat oleh perayu tanpa keperluan mengambil tempoh masa yang lama (lihat perenggan 55 & 57–58).

(4) Responden telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu sebagaimana yang ditetapkan di bawah s 15(1) AKKP. Keterangan yang telah dikemukakan oleh semua saksi pendakwaan adalah konsisten serta berkait antara satu sama lain. Di akhir kesemua keterangan, responden telah menunjukkan kepada mahkamah bahawa gabungan semua keterangan ini secara keseluruhannya teah menghasilkan satu fakta kejadian yang mana perayu melakukan kesalahan di bawah s 15(1) AKKP tersebut. Oleh yang demikian, sabitan oleh HMS terhadap perayu adalah dikekalkan. Hukuman denda RM30,000 yang dikenakan oleh HMS terhadap perayu turut dikekalkan. Hukuman tersebut adalah mematuhi peruntukan undang-undang AKKP dan tidaklah manifestly excessive memandangkan kes dijalankan sehingga ke akhirnya dan saksi-saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Hukuman yang dijatuhkan juga adalah wajar dan selari dengan trend hukuman bagi kesalahan di bawah s 15(1) AKKP (lihat perenggan 61–62).

[English summary

This was the appellant's appeal against the decision of the sessions court judge ('SCJ') who imposed a fine of RM30,000 for the amended charge under s 15(1) of the Occupational Safety and Health Act 1994 ('the OSHA'). An occupational accident occurred to SP4 who worked as a technician in the appellant's factory. As a result of the accident, SP4 suffered an injury on the upper part of his right palm because he was stuck between the 'rubber roller' and the 'metal roller' while repairing the 'feeder' part of the Flexo 2 printing machine in the factory. A team of officers from the Department of Occupational Safety and Health ('DOSH') began an investigation and found that the appellant had failed to conduct complete safe work procedures for the repair work of the Flexo 2 printing machine resulting in an accident to SP4. During the DOSH's investigation, SP1 on behalf of the appellant company had received four notices of improvement and the appellant had complied with all the conditions of the notice. The appellant was then charged in the sessions court on the amended charge. However, the appellant pleaded not guilty to the amended charge and the trial was conducted before the SCJ. At the end of the prosecution's case, the SCJ found that a prima facie case had been proven and called the appellant to enter defence. The SCJ found that the appellant had failed to establish reasonable doubt on the prosecution's case and the appellant was found guilty and convicted of the amended charge. Next, the SCJ imposed

a fine of RM30,000 on the appellant and ordered that the fine be paid immediately. Hence, this appeal against the conviction and sentence. The appellant focused his appeal on the issue of: (a) the grounds of judgment that did not explain the rationale by the trial judge (non-speaking judgment); (b) failure of the trial judge in the judicial appreciation of facts especially the case of the defence which was said to be mere denial; (c) SP4's testimony admitting that he was indeed negligent while carrying out his duties on the day of the incident and that the appellant had provided a safe environment or workplace; and (d) whether the employer had taken all actions so far as was practicable in providing a safe workplace.

Held, dismissing the appeal:

(1) The SCJ had considered the evidence by using the maximum evaluation burden of proof as provided by law for cases at the prima facie level. The SCJ had applied the correct burden of proof because from its judgment it showed that the SCJ had considered calling the defence, it was only sufficient that there was some credible evidence against the appellant. All the elements of the charge had been proven because what was required in the prosecution case was reliable evidence that the employer had failed to provide a safe working environment at the workplace for the safety and health of its employees. With the evidence that the appellant had complied with the notice of improvement issued after the DOSH investigation, there was reliable evidence that the appellant as an employer had failed to ensure, so far as was practicable, the safety, health, and welfare of its employee SP4 during work ie failed to have safe and complete work procedures for the repair work of the Flexxo 2 printer such that it caused an accident. The SCJ had discussed the defence case in detail and considered the defence. The SCJ's finding that the appellant's defence was a mere denial was not a conclusion without discussion because if seen in the ground of judgment, the SCJ had discussed the burden of proof at the end of the entire case by the prosecution which included its discussion of the defence case. Therefore, the appellant's argument that the SCJ's ground of judgment was a non-speaking judgment was unfounded. The issue regarding the failure of the SCJ to make judicial appreciation of facts especially the defence case was also unfounded (see paras 17, 22, 24 & 33).

(2) The SCJ had evaluated all the evidence and at the end of the defence case. The important thing to note was the findings of the SCJ on the issue of the notices of improvement issued by JKKP to the appellant. The improvement actions taken by the appellant were not entirely just improvements as stated by the appellant. The issuance of the four notices by the DOSH was because of the results of the DOSH's investigation, the accident had already occurred and there was no complete standard operating procedure ('SOP') prepared by the appellant before the

accident. Before the accident occurred, from SD1's evidence, the appellant had knowledge of the risks that existed during the repair work of the Flexxo 2 machine carried out by SP4. The interpretation of 'practicable' under s 3 of the OSHA and the evidence that had been submitted was clear that the appellant had failed to ensure the safety, health and welfare of employees while working because the appellant failed to take into account factors such as the danger of the risk, knowledge of the risk, ways to eliminate or reduce the risk and preparation and suitability of how the cost to remove and reduce the risk could be made by having a complete safe work procedure for the repair work of the Flexxo 2 printing machine resulting in an accident to SP4. Although the injury suffered by SP4 was admittedly due to his own negligence, it did not negate the responsibility of the employer, the appellant, to provide a safe workplace atmosphere and environment as provided in s 15(1) of the OSHA. The real cause of the accident was the appellant's failure to establish or display complete SOPs approved by DOSH and to ensure that workers received adequate training. Flexxo 2 machine repair works were high risk and DOSH's investigation showed that the existing SOP prepared by the appellant for machine repair works was too general. The use of the same SOP for the repair work of each machine was impractical to eliminate or reduce the inherent danger or risk. The appellant had an obligation under s 15 of the OSHA to provide a complete safe work procedure to its employees to ensure the safety of each employee at all times of work. The appellant's failure to provide a complete safe work procedure had caused workers such as SP4 to think that the work methods being practiced were safe enough when the actual situation was the opposite (see paras 37–38, 40, 43–44, 46 & 49–50).

(3) SP4's negligence (which could be categorized under s 24(1) of the OSHA) did not overcome the overriding duty of the employer which was that the appellant as an employer must provide a safe work environment. The punishment for offenses under s 15 of the OSHA was higher than the punishment provided under s 24(2) of the OSHA. The Parliament had enacted this social law which took care of all aspects of employee safety and health including the responsibility of the employee towards himself. However, it was the employer's primary responsibility to provide a safe workplace for all its employees. It was only within seven days the appellant had corrected the failure reported in the notice of improvement with the repair made. This meant that the improvement was practical to be made by the appellant without the need to take a long period of time (see paras 55, 57 & 58).

(4) The respondent had successfully proved the case beyond reasonable doubt against the appellant as stipulated under s 15(1) of the OSHA. The evidence that had been submitted by all prosecution witnesses was consistent and related to each other. At the end of all the evidence, the

respondent had shown to the court that the combination of all these evidence as a whole had resulted in a fact of the incident in which the appellant committed an offense under s 15(1) of the OSHA. Therefore, the conviction by the SCJ against the appellant was upheld. The RM30,000 fine imposed by the SCJ on the appellant was also upheld. The punishment was in compliance with the provisions of the OSHA and was not manifestly excessive considering that the case was carried out to the end and the witnesses were called to testify in court. The punishment imposed was also appropriate and in line with the trend of punishment for offenses under s 15(1) of the OSHA (see paras 61–62).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdul Rahim bin Mohamad v Kejuruteraan Besi dan Pembinaan Zaman Kini [1998] 4 MLJ 323; [1995] 5 CLJ 85, MT (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 AMR 321, MP (dirujuk)
Cantona Lim Xiang Kim v PP [2020] 1 MLJ 544, MR (dibeza)
Chua Ah Beng v C & P Holdings Pte Ltd [2001] SGHC 88, MT (dibeza)
Davendar Singh a/l Sher Singh v Pendakwa Raya [2012] MLJU 321; [2012] 1 LNS 261, MR (dirujuk)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja v Sri Kamusan Sdn Bhd [2013] 7 MLJ 397, MT (dibeza)
Mat v PP [1963] 1 MLJ 263 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169, MA (dirujuk)
PP v Mohamed Nor & Ors [1985] 2 MLJ 200b, MA (dirujuk)
PP v Wan Razali Kassim [1970] 2 MLJ 79; [1970] 1 LNS 121, MP (dirujuk)
Petronas Cari Gali lwn Pendakwa Raya [2019] MLJU 2166; [2020] 1 LNS 2315, Ms (dirujuk)

Undang-undang dirujuk

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ss 3, 15, 15(1), 19, 24, 24(1), (1)(a), (1)(d), (2), 48, 49, 50, 55
Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 16
Akta Pengangkutan Jalan 1987 s 41(1)
Kanun Tatacara Jenayah s 173(f)

MM Athimulan (Krishna Kumari dan Tinoshiny Arumugam bersamanya) (Krishna & Co) bagi pihak perayu.
Effizah Ernie bt Idris (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Perak) bagi pihak responden.

Noor Ruwena PK:

PENGENALAN

[1] Perayu dalam kes ini telah merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen (HMS) Taiping yang mengenakan denda sebanyak RM30,000 pada 17 Disember 2020 untuk pertuduhan pindaan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 ('Akta JKKP') seperti berikut:

> Bahawa kamu Harta Packaging Industries (Perak) Sdn. Bhd, (Nombor Syarikat: 221484-M) pada 19 September 2018 lebih kurang jam 4,15 petang di PT 685, Jalan Perusahaan 3, Kawasan Perusahaan Parit Buntar, 34200 Parit Buntar, Perak sebagai majikan telah gagal untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan, dan kebajikan semasa bekerja pekerja kamu Kalaivanan a/l Balakrishnan (nombor kad pengenalan: 700901-07-5411) iaitu gagal mengadakan prosedur kerja yang selamat dengan lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin printing Flexxo 2 sehingga menyebabkan kemalangan. Dengan itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994.

[2] Di bawah Akta tersebut, jika didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan boleh dihukum di bawah s 19 Akta yang sama iaitu denda tidak melebihi lima puluh ribu Ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

[3] Pihak-pihak akan dirujuk sebagaimana semasa rayuan didengar di mahkamah ini. Rayuan perayu telah didengar oleh mahkamah ini pada 25 November 2022 dan keputusan diberikan pada 15 Disember 2022 yang mana telah menolak rayuan terhadap sabitan dan hukuman tersebut dan mengekalkan keputusan HMS terpelajar.

ISU UNTUK DIPUTUSKAN OLEH MAHKAMAH

[4] Dalam kes ini, isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman adalah bermerit memandangkan perayu mempunyai tanggungjawab 'setakat yang praktik' untuk menyediakan persekitaran atau tempat kerja yang selamat untuk pekerjanya.

FAKTA KES DAN LATAR BELAKANG

[5] Fakta kes menunjukkan bahawa pada malam 19 September 2018, pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Cawangan Negeri Perak telah menerima informasi melalui media *social online* berhubung kemalangan pekerja perayu yang bernama Kalaivanan a/l Balakrishnan (SP4) yang berlaku pada jam lebih kurang jam 4.15 petang di PT 685, Jalan Perusahaan 3,

Kawasan Perusahaan Parit Buntar, 34200 Parit Buntar, Perak. Pada 20 September 2018 lebih kurang jam 10 pagi, sepasukan pegawai JKKP Cawangan Negeri Perak telah pergi ke tempat kejadian untuk memulakan siasatan dan kes ini disiasat oleh SP5 dan seorang lagi, Ahmad Fakhri bin Mohamad Yusoff.

[6] Hasil siasatan mendapati satu kemalangan pekerjaan telah berlaku kepada SP4 yang bekerja sebagai Juruteknik di kilang perayu di Bahagian Maintenance. Akibat kemalangan tersebut, SP4 mengalami kecederaan pada bahagian atas tapak tangan kanan kerana tersepit di antara ('rubber roller' dan 'metal roller' ketika membaiki bahagian 'feeder' Mesin Printing Flexo 2 ('mesin pencetak tersebut') di dalam kilang pada 19 September 2018 jam lebih kurang 4.15 petang.

[7] Sebelum kemalangan SP4 telah menerima makluman bahawa mesin pencetak tersebut mengalami masalah pada bahagian 'feeder'. SP4 kemudian pergi ke mesin pencetak tersebut dan mengujinya. SP4 mendapati terdapat masalah pada bahagian 'feeder'. Bagi membaiki masalah 'feeder' tersebut, bahagian penutup mesin perlu dibuka. SP4 telah menekan butang berhenti (*stop*) mesin dan mula membuka penutup hadapan mesin. Semasa membuka skru bagi penutup hadapan mesin, skru tersebut telah terjatuh ke dalam 'brush'. SP4 tnemasukkan tangannya untuk mengambil skru yang terjatuh tetapi tangannya telah tersepit dan tertarik ke dalam mesin kerana di belakang 'brush' tersebut terdapat Yoller' yang masih lagi bergerak perlahan dan belum berhenti sepenuhnya. Bahagian 'roller' tersebut tidak dapat dilihat daripada hadapan kerana terlindung oleh 'brush' di bahagian hadapan. Hasil siasatan mendapati perayu telah gagal mengadakan prosedur kerja selamat dengan lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin printing Flexo 2 sehingga mengakibatkan kemalangan kepada SP4,

[8] Semasa siasatan JKKP, SP1 bagi pihak syarikat perayu telah pada 20 September 2018 menerima empat notis perbaikan (P11 (A-D)) seperti berikut:

(a) nombor siri 031503 — gagal menyediakan prosedur kerja selamat bagi kerja pembaikan mesin di mesin Flexxo 2/SOP di mana ia tidak lengkap;

(b) nombor siri 057959 — gagal menyediakan program LOTO bagi kerja pembaikian mesin Flexxo 2;

(c) nombor siri 057960 — tiada label yang mudah difahami pada panel kawalan mesin Flexxo 2; dan

(d) nombor siri 057961 — syarikat diminta menjalankan semula latihan kepada pekerja.

[9] Perayu telah mematuhi semua syarat notis dan SP1 bagi pihak syarikat telah menghantar surat bertarikh 27 September 2018 kepada JKKP Perak (P12) memohon pembatalan notis (rujuk keterangan SP1 di ms 30–34 nota keterangan, RR Jld 2), Selanjutnya, notis-notis telah ditutup (selesai) pada 4 Oktober 2018.

[10] Perayu kemudian pada 7 Disember 2018 telah dituduh di Mahkamah Sesyen Taiping atas pertuduhan pindaan seperti di atas. Walau bagaimanapun, perayu mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan pindaan dan perbicaraan telah dijalankan di hadapan HMS Taiping dengan pihak responden memanggil lima orang saksi pendakwaan seperti yang berikut:

(a) SP1 — Amir Sufi bin Abu Yamin in (*Senior Compliance Officer*);

(b) SP2 — Abd Rahman bin Rajab (*Senior Production Superintendent*);

(c) SP3 — Abdul Wahid bin Awang (*Maintenance Senior Supervisor*);

(d) SP4 — Kalaivanan a/l Balakrishnan (Juruteknik); dan

(e) SP5 — Mohamed Khairul bin Ali @ Mohamed Noor (Pegawai Penyiasat).

[11] Di akhir kes pendakwaan, HMS mendapati suatu kes prima facie telah dibuktikan dan memanggil perayu untuk membela diri. Hanya seorang saksi pembelaan dipanggil iaitu Lim Kok Siong yang merupakan pengurus besar syarikat perayu (SD1). Pada 17 Disember 2020 HMS telah mendapati bahawa perayu telah gagal rnewujudkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan pindaan. Seterusnya, puan HMS menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM30,000 ke atas perayu dan memerintahkan denda hendaklah dibayar serta-merta.

PENILAIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

[12] Perayu telah menggariskan sebanyak 31 alasan dalam petisyen rayuan (rujuk RR Jld 1). Walau bagaimanapun, semasa rayuan didengar, perayu telah memfokuskan rayuannya kepada beberapa isu yang merangkumi kesemua alasan tersebut seperti berikut:

(a) alasan penghakiman yang tidak menjelaskan rasional oleh hakim bicara tersebut (*non-speaking judgment*);

(b) kegagalan hakim bicara dalam penilaian kehakiman mengenai fakta (*judicial appreciation of facts*) terutamanya kes pembelaan yang dikatakan hanyalah penafian semata-mata;

(c) keterangan SP4 yang mengakui bahawa dia semeinangnya cuai semasa menjalankan tugas pada hari kejadian dan majikan (perayu) telah menyediakan suatu persekitaran atau tempat kerja yang selamat; dan

(d) sama ada majikan telah mengambil segala tindakan setakat yang praktik dalam menyediakan tempat kerja yang selamat.

[13] Pihak perayu berhujah bahawa mahkamah ini sebagai mahkamah rayuan (*appellate court*) secara umumnya perlu membuat penelitian atas perkara-perkara yang berikut seperti yang diputuskan oleh mahkamah atasan sebelum ini iaitu:

(a) pandangan hakim bicara atas kebolehpercayaan saksi-saksi (*the views of the trial judge on the credibility of the witnesses*);

(b) anggapan tidak bersalah yang menyebelahi tertuduh (*the presumption of innocence in favour of the accused*);

(c) hak tertuduh terhadap sebarang faedah keraguan (*the right of the accused to the benefit of any doubt*); dan

(d) bahawa mahkamah rayuan tidak akan sewenang-wenangnya mengusik dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara yang telah berpeluang melihat saksi-saksi (*the slowness of an appellate court in disturbing a finding of fact arrived at by a judge who had the advantage of seeing the witnesses*).

[14] Perayu juga berhujah bahawa intipati kesalahan di bawah s 15(1) AKKP yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah seperti berikut:

(a) perayu adalah majikan SP4 pada masa kejadian;

(b) SP4 sebagai pekerja perayu telah terdedah kepada risiko kesihatan dan keselamatan;

(c) SP4 sebagai pekerja perayu berada di tempat kerja pada masa kejadian; dan

(d) terdapat *causal link* antara pelanggaran undang-undang oleh perayu dan SP4.

[15] Pihak responden pula berhujah bahawa hakim bicara tidak terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila membuat dapatan dan keputusan dalam kes ini oleh sebab HMS telah menjelaskan secara terperinci alasan beliau dalam mencapai keputusannya. Timbalan pendakwa raya (TPR) bagi pihak responden telah berhujah bahawa mahkamah ini tidak wajar mengusik keputusan dan dapatan HMS sebagai 'trier of fact' dan bergantung kepada kes *Public Prosecutor v Wan Razali Kassim* [1970] 2 MLJ 79; [1970] 1 LNS 121 yang memutuskan bahawa 'An appellate court should be slow to interfere with the finding of fact by a lower court as an appellate court does not have the

advantage of seeing and hearing the witnesses and therefore of assessing their credibility'.

[16] Setelah meneliti rekod rayuan dan rekod rayuan tambahan yang merangkumi segala dokumen dalam kes ini, dan khususnya nota keterangan dan alasan penghakiman, mahkamah ini mendapati bahawa HMS dalam alasan penghakiman beliau di perenggan 12 menyatakan bahawa keempat-empat elemen pertuduhan tidak disangkal oleh pihak perayu dan telah dibuktikan. HMS telah mengulas keterangan saksi-saksi dan tidak perlu saya memasukkan semula dalam alasan penghakiman ini segala ulasan HMS kecuali beberapa perkara yang akan ditekankan bagi menjawab isu-isu yang dibangkitkan dalam petisyen rayuan seperti yang disimpulkan di atas.

[17] Mahkamah ini berpuas hati bahawa HMS telah menimbangkan keterangan dengan nnenggunakan beban pembuktian *maximum evaluation* sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang bagi kes di peringkat prima facie, HMS telah menimbangkan keterangan saksi-saksi pendakwaan dan mendapati ketiga-tiga elemen pertama telah dibuktikan dan adalah fakta yang tidak dipertikaikan (*undisputed*) bahawa:

(a) perayu adalah majikan SP4 pada masa kejadian;

(b) SP4 sebagai pekerja perayu telah terdedah kepada risiko kesihatan dan keselamatan; dan

(c) SP4 sebagai pekerja perayu berada di tempat kerja pada masa kejadian.

[18] Seterusnya, elemen keempat adalah mengenai kewujudan 'causal nexus' antara kemungkiran orang kena saman (OKS/perayu) dan risiko kepada keselamatan kepada pekerja-pekerjanya. Ini dapat dibuktikan melalui keterangan saksi-saksi pendakwaan, khususnya keterangan SP1 adalah berdasarkan siasatan dalaman, SP2 memberikan keterangan mengenai proses kerja *maintenance* dan pengoperasian Mesin Fiexo 2 tersebut di mana dinyatakan bahawa bahaya mesin itu adalah komponen yang berputar seperti *gear*, *roller* dan persekitaran juga dan mesin itu ada mata pisau di bahagian hadapan *feed* (rujuk ms 173 RR Jld 2), dan SP3 memberi keterangan sebagai penyelia kepada SP4 iaitu mengenai proses *maintenance* dan pengoperasian mesin tersebut serta bahaya yang wujud kepada pekerja yang menjalankan kerja-kerja membaik pulih mesin tersebut. SP3 juga memberi keterangan mengenai penambahbaikan proses dan persekitaran kerja sebelum dan selepas kemalangan tersebut.

[19] SP4 memberi keterangan mengenai kemalangan yang menimpa dirinya semasa melakukan kerja-kerja *maintenance* ke atas mesin tersebut. Adalah jelas daripada keterangannya SP4 mengakui yang beliau telah cuai semasa menjalankan tugasnya pada hari kejadian (rujuk ms 241 dan seterusnya

dalam RR Jld 2). Walaupun begitu, pihak pesponden menghujahkan ia adalah pandangannya sendiri dan tidak mengikat mahkamah ini kerana perkara yang utama perlu diputuskan ialah mengenai tugas pihak majikan untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja. Mahkamah ini mendapati kes pembelaan bergantung anggapan yang timbul di bawah AKKP. Dihujahkan oleh pihak perayu bahawa pihak majikan telah melakukan segala yang praktik untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan kejadian yang berlaku kepada SP4 adalah sesuatu yang tidak terjangka memandangkan sudah lebih 20 tahun pengoperasian kilang itu tetapi tidak pernah berlaku kemalangan seperti yang menimpa SP4.

[20] SP5 pula memberi keterangan hasil siasatan bahawa lima punca kemalangan telah dikenal pasti oleh pihak JKKP bahawa:

(a) skru jatuh di belakang *brush* dan semasa SP4 hendak mengambilnya, SP4 tidak nampak *roller* masih berpusing di belakang *brush*;

(b) perbuatan tidak selamat (*unsafe behaviour*) iaitu pekerja sendiri tidak peka (*aware*);

(c) tidak mematuhi SOP iaitu SOP tidak dikaji semula (*review*);

(d) *lack of safety awareness*; dan

(e) latihan (*training*) tidak mencukupi (rujuk keterangan SP1 di ms 11, 24–25 dan 31 (perenggan akhir), 32 (perenggan 4), 36 (perenggan 7 dan 8), 37 (perenggan 5–8), 38 (perenggan 3 akhir), dan 39 dalam nota keterangan). Gambar-gambar tempat kejadian dicamkan oleh saksi-saksi dan dikemukakan sebagai P8 (A-J) dan laporan perubatan dikemukakan sebagai P30.

[21] Mahkamah ini mendapati setiap saksi pendakwaan telah disoal balas dengan terperinci oleh peguambela terpelajar bagi pihak perayu seperti dalam nota keterangan. Namun, HMS telah mendapati bahawa keterangan saksi-saksi pendakwaan adalah tidak disangkal di peringkat prima facie. HMS juga dalam perenggan 35 alasan penghakiman telah menyentuh mengenai kebolehpercayaan saksi-saksi pendakwaan di mana mereka datang ke mahkamah untuk memberi keterangan tentang perkara yang sebenarnya berlaku. Jika ada percanggahan dalam keterangan mereka, HMS mendapati ini tidak mencacatkan kes pihak pendakwaaan.

[22] Setelah berpuas hati dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan di peringkat prima facie atas penilaian maksimum, HMS telah memanggil perayu untuk membela diri (rujuk perenggan 13 dalam alasan penghakiman). Mahkamah ini berpuas hati bahawa HMS telah mengaplikasikan beban pembuktian yang betul kerana daripada penghakimannya menunjukkan HMS

telah menimbangkan untuk memanggil pembelaan, hanya memadai terdapat keterangan yang boleh dipercayai (*some credible evidence*) terhadap perayu. Beban pembuktian di akhir kes pendakwaan ialah sama ada pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan yang boleh dipercayai mengenai setiap elemen pertuduhan yang jika tidak disangkal, akan menyebabkan sabitan. Di dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 AMR 321, Augustine Paul HMP menjelaskan bahawa:

> A prima facie case is one that is sufficient for the accused to answer, and the evidence adduced must be such that it can only be surmounted by evidence in rebuttal. The force of that evidence must, if unrebutted, be sufficient to induce a state of belief that the facts as they stand are a stated in the charge. In order to make a finding the court must, at the close of the prosecution's case, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced to determine whether all the elements of the offence have been established. If the evidence is unrebutted, and the accused remain silent, he must be convicted. Therefore, the test to be applied at the end of the prosecution's case is whether there is sufficient evidence to convict the accused if he chooses to remain silent, which if answered in the affirmative means that a prima facie case has been made out. This requires a consideration of the existence of any reasonable doubt in the prosecution's case, which if it exists, cannot lead to the finding of guilt of a prima facie case having been made out.

[23] Pada tahap ini, tugas mahkamah sesyen sebagai mahkamah bicara ialah seperti diperuntukkan dalam s 173(f) Kanun Tatacara Jenayah. Di dalam kes *Mohamad Radhi B Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169 Mahkamah Agung memutuskan:

> It is a well-established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essential ingredients of the charge. When that occurs, the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. *To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s 173(f) or s 180 of the Criminal Procedure Code, the court must be satisfied that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction (Munusamy v Public Prosecutor* [1987]1 MLJ 492*). If defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt.* (Penekanan ditambah.)

[24] Oleh yang demikian, untuk perayu dibebaskan daripada pertuduhan, mahkamah sesyen hendaklah berpuas hati bahawa kes terhadap pembelaan

tidak dapat dibuktikan yang mana jika keterangan yang boleh dipercayai itu tidak disangkal, akan menyebabkan tertuduh disabitkan atas pertuduhan. Mahkamah ini sebagai mahkamah rayuan juga berpuas hati bahawa kesemua elemen pertuduhan telah dibuktikan kerana yang perlu ada dalam kes pendakwaan adalah suatu keterangan yang boleh dipercayai bahawa pihak majikan telah gagal menyediakan persekitaran kerja yang selamat di tempat kerja untuk keselamatan dan kesihatan pekerjanya. Dalam kes ini, adalah jelas bahawa SP4 telah mengalami kecederaan tangan yang serius di tempat kerjanya semasa dia sedang bekerja. Dengan keterangan bahawa pihak perayu telah mematuhi notis perbaikan yang dikeluarkan selepas siasatan JKKP, terdapat keterangan yang boleh dipercayai bahawa perayu sebagai majikan telah gagal untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan, dan kebajikan semasa bekerja pekerjanya SP4 iaitu gagal mengadakan prosedur kerja yang selamat dengan lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin *printing* Flexxo 2 sehingga menyebabkan kemalangan.

[25] Pihak pembelaan telah memanggil seorang saksi sahaja. Lim Kok Siong (SD1) telah memberi keterangan bersumpah dan merupakan Pengurus Besar syarikat perayu. Secara ringkas, pembelaan perayu ialah kejadian berlaku semasa SP4 sedang membuka cover mesin Flexxo 2. Terdapat skru yang terlekat pada penutup (*cover*) yang dipasang pada mesin tersebut. *Cover* ini dipasang oleh syarikat untuk melindungi pekerja daripada sebarang kecederaan semasa mengendalikan mesin. Sebelum membaiki mesin, pekerja perlu membuka cover ini. Semasa memutar skru, salah satu skru terjatuh dalarn mesin. SP4 tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Menurut SD1, semua juruteknik daripada Bahagian Maintenance tahu sebelum membaiki mesin, suis mesin perlu dimatikan dan hendaklah berhenti sepenuhnya. Pekerja tersebut tidak mengikut prosedur dan memasukkan tangan ke dalam *brush roller* untuk mengambil skru. Ia adalah keputusan 'rash' memandangkan pekerja ini pakar dan berpengalaman dan berpengetahuan mennbaiki mesin. Selanjutnya SD1 mengatakan bahawa semua langkah-langkah keselamatan telah diambil oleh syarikat untuk dipatuhi oleh pekerja yang adalah 'reasonably foreseeable and as far as practicable to the repair work to be done'. Setiap jabatan mempunyai satu set SOP di pejabat mereka, 'This SOP has been instilled in all empfoyees or technicians and to adhere strictly to the SOP'.

[26] Di hadapan mahkamah ini, perayu turut berhujah bahawa 'Before going into the crux of the appeal, we respectfully submit that OSHA legislation refers to the *general risk* that exists in a workplace and it is *not contemplation of risks that are trivial and fanciful.* The purpose of the Act is *not to impose on prudent employers* when they have taken reasonably practicable actions to sustain safety, health and welfare of its employees. The fundamental intention or objective of the Act is to spell out the duty of employers, ie to provide a safe work environment to all of its employees. We humbly submit that the appellant

company have taken reasonable practical actions to sustain safety, health and welfare of its employees and provided a safe work environment to all of its employees.

[27] Di dalam kes yang dirujuk oleh pihak perayu dalam kes *Davendar Singh a/l Sher Singh v Pendakwa Raya* [2012] MLJU 321; [2012] 1 LNS 261, Azahar Mohammed HMR (pada masa itu) menyatakan seperti berikut:

> [9] Nonetheless, it would be open to us to upset the findings made by a trial judge if such a finding is not supported by evidence or the decision is against the weight of the evidence or there is no proper judicial evaluation of the evidence or there is misdirection in law or the trial court has fundamentally misdirected itself. In this regard, judicial appreciation and evaluation of evidence is at the heart of the duty of the learned trial judge. It is the duty of the learned trial judge to undertake a positive evaluation of the evidence, which includes a careful analysis of the credibility and reliability of the witnesses for the prosecution (see *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301), It is also his duty to consider the entire evidence presented before him, including the evidence which favours the defence. On what constitutes judicial appreciation of evidence, it is apt to bear in mind the following words of Gopal Sri Ram JCA (as he then was) in *Lee Ing Chin v Gan Yook Chin* [2003] 2 MLJ 97:
>
> > *A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may have in giving his evidence*. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case. A trier of fact who makes findings based purely upon the demeanour of a witness without undertaking a critical analysis of that witness' evidence runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same. (Penekanan ditambah.)

[28] Turut dihujahkan oleh perayu bahawa walaupun HMS telah mendapati semua elemen pertuduhan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan (ms 29, Jld 1 RR), pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie terhadap perayu untuk memastikan, *setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan* semasa SP4 bekerja kerana gagal mengadakan prosedur kerja selamat dengan lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin printing Flexxo 2 sehingga akibatkan kemalangan. Ini kerana perayu telah memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjanya termasuk SP4 dan ini telah dibuktikan melalui keterangan SP4 sendiri di ms 243–293 dalam Jld 2, RR, HMS dikatakan telah gagal untuk menjalankan *maximum evaluation* terhadap kredibiliti dan kebolehpercayaan

kesemua saksi pendakwaan yang memihak kepada perayu yang telah mengakibatkan salah arah undang-undang dan fakta yang serius (rujuk keterangan SP1, SP3, SP4 dan SP5). Sebaliknya keterangan SP4 yang mengakui bahawa dia telah cuai semasa menjalankan tugasnya pada hari kejadian tersebut sebenarnya adalah pelanggaran s 24(1)(a) dan (d) AKKP.

[29] Menurut perayu, SP4 sepatutnya boleh dituduh di bawah s 24 AKKP kerana kecuaiannya semasa di tempat kerja apabila tidak mematuhi peraturan tempat kerja berkaitan kesihatan dan keselamatan yang dilaksanakan oleh majikan. Keterangan saksi-saksi pendakwaan SP1, SP2, SP3 dan SP5 menunjukkan kecuaian dan kemalangan tersebut disebabkan oleh kecuaian SP4 sendiri dan bukan akibat kecuaian majikan. Dengan perbuatannya memasukkan tangan ke dalam mesin pencetak tersebut yang mana 'roller' masih bergerak, SP4 telah mendedahkan dirinya kepada risiko kecederaan sedangkan mesin pencetak tersebut adalah tidak membahayakan keselamatan dan kesihatan.

[30] Selanjutnya perayu berhujah bahawa keterangan menunjukkan:

(a) risk management process have been carried out by appellant which involves a systematic process in identifying hazard that are associated with the activity done. Evidence of SP1 clearly shows that the Appellant periodically assess risk associated with the hazard that exists in appellant workplace (if any);

(b) evidence also show that appellant have implemented suitable control measures to eliminate and minimise any risk that exist;

(c) from the evidence it shows that the place where Flexxo 2 printing machine is situated, the risk to injury is very low and adequate steps were taken by appellant to ensure safety of all its employees, including the maintenance repairer, such as SP4;

(d) appellant also provides occupational and health instructions by informing all its employees what they should do and should not do to secure their safety and health whilst at work;

(e) evidence SP1–SP4 clearly reveals that appellant provided information, training and supervision so that safety and health of its employees are ensured. There were daily, weekly and monthly briefings which include precautionary and preventive measures that should be adopted by employees;

(f) appellant has taken reasonable care for the safety of its employees at work so as to not expose them to unnecessary risk. Relying on evidence led by the prosecution through SP1–SP4 (which remains unchallenged), it is safe to conclude that appellant has complied with the statutory obligation under s 15 of the Act to ensure safety and health of its employees whilst they are carrying out their respective duties at work;

(g) appellant took reasonably practicable steps to ensure workers safety by having at appropriate time assessment of risk at worliing place, so as to avoid risks (if any) to its workers. In this case, surely appellant would not have foreseen the risk of SP4 or any other worker putting their fingers into a roller that was still moving.

[31] Peguam bergantung kepada peruntukan s 55 Akta KKP di mana adalah menjadi satu pembelaan dalam mana-mana prosiding terhadap seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah AKKP atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya jika mahkamah berpuas hati bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa kebenarannya atau pembiarannya dan dia imenjalankan segala usaha wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut.

[32] Seterusnya perayu berhujah bahawa dalam kes ini, walaupun perayu memanggil SD1 untuk memberi keterangan bagi pihaknya, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan kemalangan yang berlaku kepada SP4 disebabkan kegagalan menyediakan tempat kerja yang selamat untuk membaiki mesin pencetak tersebut. Oleh sebab tiada *nexus* antara kedua-duanya, perayu menghujahkan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan kes melampaui keraguan munasabah. Ini boleh dilihat daripada keterangan berikut:

Q 14: Does the printing machine Flexxo 2 pose any threat to the safety and health of the maintenance and repair technician who attends to it or to any employees operating the said machine?

A: No. The machine does not pose any threat or danger. If the maintenance and repair technician follow the SOP we have provided, there is no danger posed. In addition to that, we have taken extra safety measures by installing protective covers on the machine itself. We have also placed a signage on the machine in 5 different languages to ensure the technicians always adhere to the safety precautions and understand the safety procedures to follow.

...

(4)Q: Was the safety precautions and the SOP that was in place before the incident inadequate for Mr Kalaivanan not to sustain any injury or to prevent any accident from happening?

A: No, it was adequate. The SOP and safety precautions were all adequate as far as practicable. The track record of our company's industrial accident is proof of this. Mr Kalaivanan's incident was not something that was envisaged. This is because it was Mr Kalaivanan's own carelessness and negligence in not concentrating on his job or not paying attention when putting his hand into the roller brush knowing very well of the slow momentum of the Flexxo machine 2 to come to a stop. No other technician nor any repair workman has ever been careless nor negligent in removing a screw from a cover of a machine let alone Flexxo machine 2 and letting it fall into the roller, Mr Kalaivanan's own action in putting his hand into a slowly moving machine being an experienced repair man, aware of the momentum of the

machine, speaks for itself as a clear cut case of negligence. The cause of the accident is not the fault of the company in any way or failure to provide a safe work place. The new SOP is to further prevent such unforeseeable incidents from reoccurring and to enhance the safety awareness of being careless in caring out the repair work, thus new measure was taken.

[M/s 12–13 RR Tambahan (m/s. 1–15)]

(8)Q: Does the company admit that based on the notices issued by the DOSH and the company implementing new procedures SOP to be followed the company has failed to provide a safe environment of work for its employees to carry out maintenance work or repair work, like Mr Kalaivanan?

A: No, the company states that they were told by DOSH to implement new procedures so as cancel the notices issued. That is why the company on the by the 4.10.2018 immediately thereof followed and complied with the notices.

[M/s 13 RR Tambahan (m/s. 1–15)]

[33] Di perenggan 24–30 alasan penghakiman, mahkamah mendapati bahawa HMS telah membincangkan kes pihak pembelaan dengan terperinci dan menimbangkan pembelaan tersebut. HMS mendapati bahawa pembelaan perayu adalah bersifat penafian semata-mata dan seterusnya beliau membincangkan serta menjelaskan alasannya. HMS turut mengaplikasikan prinsip dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263, iaitu bahawa mahkamah tidak mempercayai pembelaan perayu dan pembelaannya tidak menumbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan (rujuk perenggan 38 alasan penghakiman). Ini bukanlah rumusan tanpa perbincangan oleh kerana jika dilihat dalam alasan penghakiman sebanyak 40 muka surat tersebut, HMS telah mulai perenggan 19 membincangkan beban pembuktian di akhir keseluruhan kes oleh pihak pendakwaan yang merangkumi perbincangannya menegnai kes pembelaan. Oleh yang demikian, hujahan perayu bahawa alasan penghakiman HMS tersebut adalah suatu *non-speaking judgment* adalah tidak berasas. Mahkamah ini mendapati setelah meneliti alasan penghakiman tersebut, isu mengenai kegagalan HMS untuk membuat penilaian kehakiman atas fakta (*judicial appreciation of facts*) terutamanya kes pembelaan juga adalah tidak berasas.

[34] Bagi memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap pihak pembelaan, mahkamah perlu meneliti peruntukan AKKP yang terpakai dalam kes in. Peruntukan AKKP yang relevan adalah seperti berikut:

15 Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada pekerja mereka

(1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), perkara yang diliputi oleh kewajipan itu termasuklah terutamanya —

(a) pengadaan dan penyenggaraan loji dan sistem kerja yang, setakat yang praktik, selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;

(b) pembuatan perkiraan bagi menjamin, setakat yang praktik, keselamatan dan ketiadaan risiko kepada kesihatan berkaitan dengan penggunaan atau pengendalian, penanganan, penyimpanan dan pengangkutan loji dan bahan;

(c) pengadaan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan dan kesihatan pekerjanya yang sedang bekerja;

(d) setakat yang praktik, berkenaan dengan mana-mana tempat kerja di bawah kawalan majikan atau orang yang bekerja sendiri, penyenggaraannya dalam keadaan yang selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan dan pengadaan dan penyenggaraan cara masuk ke dalamnya dan keluardarinya yang selamat dan tanpa risiko sedemikian; dan

(e) pengadaan dan penyenggaraan persekitaran pekerjaan bagi pekerja-pekerjanya yang, setakat yang praktik, selamat, tanpa risiko kepada kesihatan, dan memadai berkenaan dengan kemudahan bagi kebajikan mereka yang sedang bekerja.

...

60 Beban membuktikan had apa yang praktik

Dalam apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya kerana tidak mematuhi kewajipan atau kehendak supaya berbuat sesuatu setakat yang praktik, atau supaya menggunakan cara praktik yang terbaik untuk membuat sesuatu, tertuduh hendaklah membuktikan bahawa tidaklah praktik untuk membuat lebih daripada yang telah sebenarnya dibuat untuk memenuhi kewajipan atau kehendak itu, atau bahawa tidak ada cara praktik yang lebih baik daripada yang telah sebenarnya digunakan untuk memenuhi kewajipan atau kehendak itu,

3 Tafsiran

(1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

'boleh dipraktikkan' ertinya boleh dipraktikkan dengan mengambil kira —

(a) teruknya bahaya risiko yang terlibat;

(b) keadaan pengetahuan mengenai bahaya atau risiko itu dan apa-apa cara untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko itu;

(c) ada tidaknya dan kesesuaian cara untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko; dan

(d) kos untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko itu; ...

[35] HMS dalam alasan penghakiman menyatakan beban pembuktian adalah terletak kepada perayu untuk membuktikan salah satu perkara berikut:

(a) tidaklah praktik untuk membuat lebih daripada yang telah sebenarnya dibuat untuk memenuhi kewajipan atau kehendak itu; atau

(b) bahawa tidak ad acara praktik yang lebih baik daripada yang telah sebenarnya digunakan untuk memenuhi kewajipan atau kehendak itu;

[36] Peguam perayu berhujah bahawa menurut s 55 AKKP, pihak pembelaan boleh mengguna pakai keterangan-keterangan yang menyatakan perayu telah mengambil segala usaha yang wajar ('reasonably practicable') untuk mencegah perlakuan kesalahan seperti dalam pertuduhan. Sementara ('that there was no better practicable means') daripada yang telah sebenarnya dibuat untuk memenuhi kewajipan dalam keadaan kes ini.

[37] Walau bagaimanapun, mahkamah ini mendapati bahawa HMS telah menilai semua keterangan dan di akhir kes pembelaan dan menyatakan seperti berikut di perenggan 24 dan 25 alasan penghakiman:

[24] Mahkamah setelah mendengar keterangan SD1, mendapati bahawa versi pembelaan OKS adalah sama sekali bercanggah dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan, khususnya SP1 — Amir Sufi bin Abu Yamin dan SP3 — Abdul Wahid bin Awang selaku juruteknik. Kedua-dua saksi ini telahpun mengaku pada peringkat awal dalam kes pendakwaan mengenai kekurartgan-kekurangan dan kelemahan dalam kilang OKS. Keterangan SP1 mengesahkan SOP tidak dikaji semula, lack of safety awareness, dan Latihan (Training) tidak mencukupi, Bukti paling ketara datang nya daripada SP3 di mana SP3 telah menyatakan (di ms 221 nota keterangan) seperti berikut:

S: Saya nak tanya kamu bilakah kamu sendiri sebagai senior maintenance supervisor diberi latihan berkenaan dengan kaedah preventive maintenance ataupun kerja-kerja pembaikan mesin Flexxo 2?

J: Secara khusus memang kite tak ada, untuk Flexxo 2 memang tak ada training tapi kita semua banyak kits kerja sambil belajar.

[25] Segala kelemahan, kekurangan dalam kilang, termasuk latihan berterusan adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk dikenalpasti dan ditambah baik pada setiap masa tetapi perkara ini tidak diambil berat oleh OKS. Meletakkan beban ini kepada pihak pengurusan atau penyelia bukanlah satu pilihan atau jalan keluar bagi mengelak pertanggungjawaban.

[38] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan TPR di perenggan 54 bahawa perkara yang penting perlu diambil perhatian ialah mengenai dapatan

HMS tentang isu notis perbaikan yang dikeluarkan oleh JKKP kepada syarikat perayu. Mahkamah juga telah meneliti nota keterangan mengenai isu ini seperti berikut:

Soalan: En. Khairul, kenapa kamu keluarkan notis kepada pihak syarikat?

Jawapan: Semasa penyiasatan, saya mengeluarkan notis kepada syarikat, kerana didapati terdapat risiko semasa kerja-kerja membaiki mesin Flexxo 2 iaitu:

(a) terdapat bahagian mesin yang berputar (roller dan gear);

(b) terdapat bahagian roller berputar yang terlindung dan tidak dapat dilihat (terlindung oleh brush);

(c) apabila mesin Flexxo 2 ditekan stop button, ianya tidak berhenti serta merta, tetapi mengambil masa beberapa saat (bergantung pada kelajuan mesin sebelum itu);

(d) suasana sekeliling tempat kerja yang agak bising, iaitu pekerja tidak perasan atau dapat mendengar roller yang masih lagi berputar walaupun stop button ditekan;

(e) setiap bahagian mesin Flexxo 2, boleh dipisahkan, risiko bahaya apabila ada pekerja sedang menjalankan pembaikan/maintenance, dikhuatiri ada pekerja lain yang tertekan suis kerana rnenyangka ianya telah boleh beroperasi atau ada pekerja tertekan suis panel menyebabkan pekerja yang sedang membaiki mesin, tersepit anggota ke dalam mesin

(f) terdapat bahagian-bahagian tajam di dalam mesin (bahagian memotong) [SP5 dirujuk eksibit P7 — Borang JKKP6 dan laporan siasatan dalaman syarikat]

Soalan: Apakah dokumen itu?

Jawapan: Dokumen ini adalah borang JKKP6 iaitu borang pemberitahuan kemalangan yang diisi secara online oleh syarikat Harta Packaging Industries (Perak) Sdn, Bhd. berkenaan kemalangan yang berlaku kepada Kalaivanan, pada 19 September 2018, pada jam lebih kurang 4.15 petang. Dilampirkan juga laporan siasatan dalaman yang dibuat syarikat beserta punca-punca kemalangan yang dikenalpasti beserta tindakan pencegahan yang dibuat syarikat, Berdasarkan laporan siasatan dalaman syarikat, punca kemalangan yang dikenalpasti adalah:

(a) bahagian feed roller tidak dapat dilihat daripada bahagian hadapan, kerana terlindung oleh bahagian 'infront brush feed roller';

(b) mangsa tidak tahu bahawa 'roller, masih lagi bergerak dengan momentum perlahan, semasa membuka penutup mesin;

(c) tiada pengemaskinian prosedur kerja (SOP);

(d) tahap kesedaran berkenaan keselamatan semasa kerja adalah di tahap rendah; dan

(e) latihan yang tidak mencukupi berkenaan bahagian berbahaya dan kebolehan mengenalpasti bahaya.

[39] Merujuk kepada alasan penghakiman HMS di perenggan-perenggan berikut:

> [26] Fakta yang tidak dapat dipertikaikan bahawa OKS telahpun mematuhi dan melaksanakan semua saranan yang dibuat oleh JKKP melalui empat notis JKKP 1, 2, 3 & 4 bagi penambahbaikan peralatan dan prosedur kerja di kilang selepas kejadian. Sudah terang lagi bersuluh bahawa pematuhan ini sekaligus membuktikan bahawa:
>
> (a) bukanlah tidak praktik untuk membuat lebih daripada yang telah sebenarnya dibuat untuk memenuhi kewajipan atau kehendak supaya berbuat sesuatu yang praktik; dan
>
> (b) memang ada cara praktik yang lebih baik daripada yang telah sebenarnya digunakan untuk memenuhi kewajipan atau kehendak supaya berbuat sesuatu yang praktik.
>
> [27] Malahan, semasa diperiksa balas oleh pegawai pendakwa, SD1 sendiri telah bersetuju bahawa penambahbaikan kepada SOP, pemberian latihan/latihan semula kepada semua pekerja terlibat, pemasangan siren, pemaparan tanda amaran/arahan, adalah suatu yang praktikal untuk dibuat oleh syarikat dan tiada masalah berkenaan kos bagi penambahbaikan tersebut. Dalam keterangan SD1 semasa perneriksaan balas:
>
> Soalan: Mr, Lim, are u agree with me that Harta Packaging Industries Perak Sdn Bhd took about 7 days to comply with all the notices?
>
> Jawapan: Yes
>
> Soalan: Do u agree with me Harta Packaging Industries Perak Sdn Bhd came out with the enhanced procedure, SOP, Safety, Operating Procedure for repair machine, give training to all related workers, installed siren and implement LOTO tagging within this 7 days?
>
> Soalan: Mr. Lim, do u agree with me, all the improvement/action taken, is practical for the company to do it? Do u agree with me, all the improvement/action taken which is to improve the SOP, give training/refreshment training to all related workers, install siren, display signages, within 7 days, it is practical thing that can be made by the company?
>
> Jawapan: It is practical.

[40] Berdasarkan keterangan di saksi-saksi pendakwaan, saksi pembelaan serta keterangan dokumentar yang dikemukakan, dan peruntukan undang-undang yang terpakai, tindakan penambahbaikan yang diambil oleh perayu saya dapati bukanlah keseluruhannya sekadar penambahbaikan seperti yang diujarkan oleh perayu. Walaupun perayu menyatakan tindakan diambil dengan segera supaya notis tersebut dapat dibatalkan (sudah dipatuhi), mahkamah ini mendapati bahawa pengeluaran empat notis tersebut oleh pihak JKKP adalah kerana hasil siasatan JKKP, kemalangan tersebut telah berlaku dan tiada SOP yang lengkap disediakan oleh perayu sebelum kemalangan.

perayu melalui wakilnya memberi keterangan bahawa ia telah mengambil segala tindakan yang praktik (limb (a)) dan adalah tidak dijangkakan kemalangan akan berlaku setelah lebih 20 tahun beroperasi dan SP4 juga adalah seorang yang pakar dalam bidangnya. Namun, hakikat yang tidak boleh disangkal oleh perayu ialah bahawa keterangan pekerjanya sendiri bahawa latihan tidak diberikan secara konsisten (dalam kes SP4, dia menjalani latihan pada tahun 2002 manakala Mesin Flexxo 2 diperolehi dalam tahun 2011). Situasi ini boleh dikatakan seperti born jangka yang akan meletup pada bila-bila masa.

[41] Mahkamah merujuk pula keterangan SP3 yang berikut:

Soalan: Semasa bust kerja-kerja pembaikan mesin, repairing troubleshoot tu untuk mesin Flexxo 2, apakah bahaya-bahaya yang wujud semasa buat kerja repair?

Jawapan: Bahaya yang wujud kemungkinan cover yang kita buka tu terjatuh, tersepit.

Soalan: Tersepit pada mana?

Jawapan: Tersepit pada mana-mana bahagian yang bergerak. Kalau kita nak repair, risiko nak berlaku kemalangan ni saya boleh cakap cuma benda jatuh sahaja. Kalau untuk tersepit sebab mesin totally stop sebelum kita buat repairing. Tersepit sebab roller masih lagi berpusing ataupun mana-mana bahagian yang masih iagi bergerak boleh menyebabkan orang tersepit. Itu sahaja

Soalan: Semua bahaya-bahaya ni dia terdedah kepada siapa?

Jawapan: Untuk mesin samada untuk technician ataupun pengendali mesin.

[42] Apabila dibandingkan dengan keterangan SP4:

Soalan: En Kalaivanan, apakah bahaya-bahaya yang wujud semasa bekerja seperti operator dan juga maintenance membuat kerja-kerja repair mesin Flexxo 2?

Jawapan: Ada banyak perkara yang boleh berlaku sebab kemalangan boleh berlaku.

Soalan: Apa bahaya mesin yang wujud?

Jawapan: Kalau nak katakan mesin boleh disebabkan spanar, semasa mengambil barang dan sebagainya [Saksi dirujuk P14a-d, gambar-gambar siasatan]

Soalan: En. Kalaivanan, boleh tengok gambar tu, daripada gambar tu, apakah bahaya-bahaya yang kamu nampak wujud daripada mesin Flexxo 2?

Jawapan: Banyak

Soalan: Boleh bagitahu satu-satu?

Jawapan: Kalau berdiri depan mesin, bahagian printing boleh buka, boleh berlaku kemungkinan seperti tangan tersepit di roller mesin

Soalan: So kamu kata bahagian mesi ini boleh dibuka?

Jawapan: Ya

Soalan: Lagi?

Jawapan: Dekat roller tu ada pisau

Soalan: Lagi?

Jawapan: Boleh berkemungkinan jika seseorang masuk ke dalam blok itu jika cuai dan kalau tertutup orang itu didalam.

Hakim: Orang boleh masukkah?

Jawapan: Ada ruang. Jika seseorang operator masuk ke dalam membersihkan pisau dan roller mesin jika cuai dan orang tidak perasan ada orang didalam boleh tertutup

Soalan: Bagaimana dengan bunyi persekitaran

Jawapan: Bising

Soalan: Masa kerja-kerja maintenance apa bahaya bising?

Jawapan: Disebabkan keadaan bising jika kami berada diruang blok tersebut, kami tidak berapa dengarjika ada orang bercakap apa-apa atau minta tolong.

[43] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan responden dan mendapati sebelum kemalangan berlaku, daripada pengakuan SD1, perayu telah mempunyai pengetahuan berkenaan risiko-risiko yang wujud semasa kerja-kerja pembaikan mesin Flexxo 2 dijalankan oleh SP4. Risiko-risiko yang wujud semasa kerja-kerja pembaikan mesin Flexxo 2 adalah:

(a) bahagian 'feed roller' tidak dapat dilihat daripada bahagian hadapan, kerana terlindung oleh bahagian 'brush feed roller;

(b) (roller, masih lagi bergerak dengan momentum perlahan, walaupun 'stop button' mesin pencetak tersebut sudah ditekan/dimatikan;

(c) 'roller' tersebut tidak berhenti serta merta; dan

(d) persekitaran kawasan kilang yang agak bising, berkemungkinan menyebabkan pekerja tidak dapat mendengar bahawa roller yang terlindung tersebut masih lagi sedang berputar.

[44] Seksyen 55 Akta KKP memperuntukkan adalah menjadi satu pembelaan dalam mana-mana prosiding terhadap seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah AKKP atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya jika mahkamah berpuas hati bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa kebenarannya atau pembiarannya dan dia menjalankan segala usaha wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang patut. Namun, pembelaan pihak perayu hanya bergantung kepada fakta bahawa sebagai seorang yang berpengalaman lebih 20 tahun membuat pekerjaan itu, SP4 sewajarnya tahu mengenai semua risiko tersebut dan cuai apabila memasukkan

tangannya dalam mesin pencetak tersebut untuk mengambil semula skru yang terjatuh ke bahagian belakang mesin. Mahkamah bersetuju dengan dapatan HMS dan hujahan pihak responden bahawa tafsiran 'boleh dipraktikkan' di bawah s 3 AKKP dan keterangan yang telah dikemukakan adalah jelas bahawa perayu telah gagal memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja semasa bekerja kerana perayu gagal untuk mengambil kira faktor-faktor seperti bahaya risiko, pengetahuan tentang risiko, cara untuk menghapus atau mengurangkan risiko dan penyediaan serta kesesuaian tentang cara bagairnana kos untuk menghapus dan mengurangkan risiko dapat dibuat dengan mengadakan prosedur kerja selamat dengan lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin pencetak Flexxo 2 sehingga mengakibatkan kemalangan kepada SP4. Risiko-risiko yang wujud tersebut terdedah kepada semua pekerja perayu terutamanya SP4 yang diarahkan untuk melakukan kerja-kerja pembaikan mesin pencetak tersebut.

[45] Saya merujuk kepada perenggan 58 hujahan responden kepada 'maksud prosedur kerja selamat' yang dinyatakan dalam pertuduhan, di mana pihak Responden merujuk kepada 'prakata' dan 'definisi sistem kerja selamat, kerana prosedur kerja selamat adalah salah satu elemen dalam sistem kerja selamat yang dinyatakan dalam Garis Panduan Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994 yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia 2006 seperti yang berikut: 'Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah digubal pada 25 Februari 1994 dan bertujuan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua orang di tempat kerja. Ia telah digubal berdasarkan konsep peraturan kendiri dengan tanggungjawab utama bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terhadap orang yang rnewujudkan risiko dan bekerja dengan risiko'. Mukasurat iii 'Sistem kerja selamat' adalah satu sistem atau cara membuat peruntukan bagi keselamatan pekerja dan sekiranya dilakukan dengan penjagaan yang sesuai akan melindungi para pekerja daripada risiko kecederaan yang dijangka. Contohnya, sebelum satu sistem diperkenalkan, mereka yang terlibat perlulah di ajar penggunaannya, dilatih tentang perlaksanaannya dan seterusnya dipantau untuk memastikan sistem tersebut dilaksanakan dalam operasinya.

[46] Mahkamah ini hanya ingin menekankan di sini bahawa kecederaan yang dialami oleh SP4 walaupun diakui adalah kecuaiannya sendiri, namun ia tidak menidakkari tanggungjawab majkan iaitu perayu untuk menyediakan suasana dan persekitaran tempat kerja yang selamat seperti diperuntukkan dalam s 15(1) AKKP. Walaupun dihujahkan oleh perayu bahawa ia tidak bertanggungjawab bagi kecuaian SP4 sehingga menyebabkan kecederaannya, mahkamah ini bersetuju dan mendapati bahawa punca mempamerkan SOP yang lengkap dan diluluskan oleh JKKP dan memastikan pekerja mendapat latihan yang mencukupi. Walaupun dikatakan bahawa ada taklimat harian,

namun keterangan yang tidak dicabar bahawa kali terakhir SP4 menjalani latihan ialah pada tahun 2002. Satu tempoh yang terlalu lama apabila tiada latihan ulangan diberikan (*refresher course*). Jika pun SP4 yang bertanggungjawab untuk memberi taklimat harian kepada orang bawahannya, adakah wajar untuk menyalahkan SP4 sahaja bagi kemalangan ini? Menurut SD1 tidak pernah berlaku kemalangan sebegini namun, sikap majikan yang mengambil pendekatan 'tidak perlu memperbetulkan sesuatu jika ia tidak rosak' menunjukkan ia tidak prihatin dengan keselamatan dan kebajikan pekerjanya.

[47] Mahkamah ini merujuk kepada satu kes iaitu *Abdul Rahim bin Mohamad v Kejuruteraan Besi dan Pembinaan Zaman Kini* [1998] 4 MLJ 323; [1995] 5 CLJ 85 Hakim Arifin Zakaria (pada masa itu) menyatakan di ms 94:

> It is alleged that the conduct of the plaintiff here was also in breach of s 24(1)(a) and (d) of the Occupational Safety and Health Act 1994 and such breach of statutory duty by the plaintiff as much as any carelessness, amounts to contributory negligence on his part (see *Boyle v Kodak Ltd* [1969] 2 All ER 439.
>
> Having regard to the conduct of the plaintiff in this case I am inclined to agree with the defendant that the plaintiff is partly to blame for the accident The plaintiff ought to have known that by remaining on the scaffolding while the same was being pushed he was exposing himself to the unnecessary risk of injury to himself should the scaffolding were to collapse or fall for some reasons or other. The conduct of the plaintiff also, as submitted by the defendant, constitutes a breach of s 24(1)(a) and (d) of the Occupational Safety and Health Act 1994. For above reasons I am driven to the conclusion that there was contributory negligence on the part of the plaintiff.
>
> The next question is, what is the degree of blame to be placed on the plaintiff. This I must admit is not an easy question to answer. *Having regard to all the circumstances of this case I come to the conclusion that both the plaintiff and the defendant are equally to blame for the accident. I say so for the simple reason that the accident would not have occurred had the defendant exercised proper supervision of the work. With proper supervision it is reasonable to expect that the plaintiff would not be allowed to remain on the scaffolding when the same was being pushed. The plaintiff on the other hand, in the interest of his own safety, should not have remained on the scaffolding. He should have come down while the scaffolding was being pushed and only after it has been securely set up should he go up the scaffolding again*. (Penekanan ditambah.)

[48] Walaupun kes tersebut merupakan tuntutan saman terhadap majikan, namun plaintif dalam kes tersebut dan defendan (majikannya) didapati telah menyumbang terhadap kemalangan yang berlaku di tempat kerja. Dalam kes perayu, kejadian berlaku pada jam 4.15 petang dan ada kemungkinan SP4 'momentary misjudgment dipihaknya apabila dia dengan tidak sengaja telah memasukkan tangannya untuk mengambil skru yang terjatuh tersebut.

[49] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan pihak responden bahawa kerja-kerja pembaikan mesin Flexxo 2 adalah berisiko tinggi berdasarkan keterangan SP3 dan SP4. Siasatan JKKP menunjukkan SOP sedia ada (P12) yang disediakan oleh perayu bagi kerja-kerja pembaikan mesin adalah terlalu umum. SOP tersebut diguna pakai bagi semua kerja-kerja pembaikan mesin-mesin yang ada di dalam kilang perayu, sedangkan setiap mesin tersebut adalah berbeza. Ini merupakan salah satu sebab notis perbaikan telah dikeluarkan kepada perayu selepas kemalangan itu. Oleh itu, pemakaian SOP yang sama bagi kerja-kerja pembaikan setiap mesin tersebut adalah tidak praktik untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko yang wujud. Keterangan SP1 menunjukkan perayu telah membiarkan SP4 mengamalkan SOP yang tidak lengkap dan kaedah kerja tidak selamat dalam tempoh yang lama bagi kerja-kerja pembaikan mesin dan hanya menunggu masa untuk berlakunya kemalangan.

[50] Mahkamah ini selanjutnya bersetuju dengan hujahan responden di perenggan 64 sehingga 71 bahawa perayu mempunyai kewajipan di bawah s 15 AKKP untuk menyediakan suatu prosedur kerja selamat yang lengkap kepada pekerjanya bagi memastikan keselamatan setiap pekerjanya pada setiap masa bekerja. Kegagalan perayu menyediakan prosedur kerja selamat yang lengkap telah menyebabkan pekerja khususnya seperti SP4 menganggap kaedah kerja yang sedang diamalkan adalah cukup selamat sedangkan keadaan yang sebenar adalah sebaliknya. Pada masa kini selepas kemalangan itu, perayu juga menyediakan 'magnetic stick' untuk pekerja menggunakannya dengan selamat untuk mengambil skru dan nat yang terjatuh dalam mesin dan sebagainya. Penambahbaikan ini sepatutnya sudah wujud sebelum kemalangan berlaku dan ini yang dikatakan 'praktik' sebab ia tidak membebankan pihak majikan untuk menyediakannya.

[51] Mahkamah ini mendapati keterangan SP1 selaku pegawai bertanggungjawab berkenaan keselamatan di kilang juga mengakui bahawa perayu gagal mengadakan prosedur kerja selamat dengan lengkap seperti yang dinyatakan dalam eksh P7 iaitu perayu gagal mengemaskini SOP. Sekiranya dakwaan SD1 adalah benar, tentulah perayu tidak akan perlu membuat apa-apa perubahan atau penambahbaikan dalam prosedur kerja selamat tersebut. Sebaliknya, selepas kemalangan majikan telah menyediakan perkakas khas iaitu *magnetic stick*, menyatakan dengan jelas berkenaan kewajipan pekerja untuk menutup bekalan kuasa (menekan suis 'berhenti') mempamerkan LOTO (Lock Out, Tag Out), dan kewajipan menunggu selama 30 saat selepas menekan suis 'berhenti' sebelum memulakan apa-apa kerja pembaikan.

[52] Mahkamah mendapati berdasarkan eksh P12 yang bertarikh pada 27 September 2018, perayu hanya perlu mengambil masa selama tujuh hari

sahaja untuk mengadakan suatu prosedur kerja selamat yang lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin Flexxo 2 termasuklah memberikan latihan berkenaan prosedur tersebut kepada pekerja terlibat. Responden telah merujuk kepada Garis Panduan Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994 pada Bahagian IV, perenggan 15(1) garis panduan tersebut yang memperuntukkan istilah 'setakat yang praktik' ini adalah berkaitan dengan apa yang dipraktikkan mesti mengambil kira bahaya risiko, pengetahuan tentang risiko dan cara untuk menghapus atau mengurangkannya, penyediaan dan kesesuaian tentang cara bagairnana kos untuk menghapus dan mengurangkannya. Mahkamah ini mendapati garis panduan yang dirujuk adalah berguna sebagai rujukan tambahan untuk mahkamah memahami praktis industri dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja.

[53] Berhubung dengan isu kecuaian SP4 yang boleh dituduh di bawah s 24(1)(a) dan (d) AKKP, keterangan yang jelas ialah pihak pendakwaan tidak ada mengambil langkah-langkah untuk menuduhnya di mahkamah atas kecuaiannya, perayu pula tidak mengambil tindakan disiplin atau lain-lain ke atasnya dan SP4 telah menjalani kaunseling. Menurut hujahan responden, keterangan ini adalah relevan dan jelas menunjukkan bahawa perayu sendiri menyedari kemalangan yang berlaku ke atas SP4 berpunca daripada kegagalan perayu mengadakan prosedur kerja selamat yang lengkap bagi kerja-kerja pembaikan mesin Flexxo 2.

[54] Mahkamah ini juga telah meneliti otoriti-otoriti yang dikemukakan oleh pihak perayu dan boleh membezakan kes-kes tersebut berdasarkan fakta tersendiri masing-masing dan saya tidak berhasrat untuk memperincikan setiap satu otoriti tersebut di sini. Namun saya merujuk kepada kes *Cantona Lim Xiang Kim v Public Prosecutor* [2020] 1 MLJ 544 yang dirujuk oleh pihak perayu mengenai isu 'no judicial appreciation by the trier of fact of the evidence adduced at the trial and that the trial court was shown to be plainly wrong in arriving at its decision'. Di dalam kes tersebut, mahkamah majistret dan Mahkamah Tinggi yang mendapati perayu bersalah di bawah s 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 telah gagal memberi pertimbangan bahawa selain dibuktikan bahawa perayu tersebut telah melanggar motorsikal si mati, pihak pendakwaan tidak berjaya membuktikan perayu memandu secara *reckless* tanpa mengambil kira keadaan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Pembelaan perayu ialah bahawa percikan air daripada kenderaan lain telah menyebabkan penglihatannya terganggu hingga menyebabkan kemalangan tersebut. Di dalam kes tersebut, terdapat *intervening cause* yang menyumbang kepada kemalangan yang berlaku dan apabila dilihat secara objektif, ia tidak boleh dikatakan disebabkan oleh perayu.

[55] Prinsip tersebut telah dihujahkan oleh pihak perayu dalam kes ini bahawa kemalangan tersebut disebabkan oleh SP4 dan bukan oleh perayu

secara langsung. Kes tersebut boleh dibezakan dengan kes rayuan ini. Semasa pendengaran rayuan, saya banyak menyoal TPR mengenai punca kemalangan yang menimpa SP4 dan saksi ini sendiri mengakui dirinya cuai manakala pihak syarikat telah menyediakan persekitaran kerja yang selamat, dan mesin itu juga selamat digunakan. Walau bagaimanapun, setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak dan meneliti semula keseluruhan keterangan di hadapan mahkamah ini, saya mendapati bahawa kecuaian SP4 tersebut (yang boleh dikategorikan dalam s 24(1) AKKP) tidak mengatasi *overriding duty of the employer* iaitu perayu sebagai majikan hendaklah menyediakan persekitaran kerja yang selamat (rujuk keterangan SP4 di 241 dan seterusnya dalam RR Jld 2). Dapatan ini disokong oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain jika pun keterangan SP4 bersifat akur dengan kecuaiannya sendiri.

[56] Jika dilihat AKKP tersebut dan susunan seksyen-seksyen, Akta ini memperuntukkan dalam Bahagian IV, 'General Duties of Employers and Self-Employed Persons' terhadap pekerja. Kemudian Bahagian V adalah 'General Duties of Designers, Manufacturers and Suppliers' dan diikuti dengan Bahagian VI mengenai 'General Duties of Employees'. Seksyen 24 memperuntukkan:

> 24 General duties of employees at work.
>
> (1) It shall be the duty of every employee while at work —
>
> (a) to take reasonable care for the safety and health of himself and of other persons who may be affected by his acts or omissions at work;
>
> (b) to co-operate with his employer or any other person in the discharge of any duty or requirement imposed on the employer or that other person by this Act or any regulation made thereunder;
>
> (c) to wear or use at all times any protective equipment or clothing provided by the employer for the purpose of preventing risks to his safety and health; and
>
> (d) to comply with any instruction or measure on occupational safety and health instituted by his employer or any other person by or under this Act or any regulation made thereunder.
>
> (2) A person who contravenes the provisions of this section shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one thousand Ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three months or to both.

[57] Adalah didapati hukuman untuk kesalahan di bawah s 15 AKKP iaitu duanya, adalah lebih tinggi berbanding hukuman yang diperuntukkan di bawah s 24(2) iaitu denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya untuk kesalahan oleh pekerja yang cuai atau tidak menjaga keselamatan dirinya di bawah s 24(1)(a), sekiranya SP4

dituduh di mahkamah tempoh hari. SP4 memberi keterangan yang beliau tidak sengaja memasukkan jarinya dan tidak mengetahui pada ketika itu *roller* masih bergerak. Ia adalah *prerogative* pihak pendakwaan sama ada untuk menuduh SP4 atas kecuaiannya dan mahkamah ini tidak perlu mengulas lebih lanjut mengenai hal ini. Tetapi, perkara mengenai susunan bahagian dan seksyen dalam sesuatu perundangan mungkin adalah perkara yang remeh bagi sesetengah pihak namun ia mempunyai maksud dan tujuan tertentu dalam penggubalan undang-undang. Sehubungan itu, saya merujuk kepada s 16 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) yang memperuntukkan bahawa:

> 16 Notice to be taken of division into parts, chapters, etc.
>
> Where an Act or subsidiary legislation is divided into parts or chapters or otherwise, the fact and particulars of the division shall, without express mention thereof in the Act or subsidiary legislation, be taken notice of in all courts and for all purposes whatsoever.

[58] Pada hemah saya, Parlimen telah menggubal undang-undang sosial ini yang menjaga keseluruhan aspek keselamatan dan kesihatan pekerja termasuk tanggungjawab oleh pekerja terhadap dirinya sendiri. Namun begitu, adalah menjadi tanggungjawab utama oleh majikan untuk menyediakan tempat kerja yang selamat untuk semua pekerjanya. Jadi isu ini berbalik kepada tanggungjawab perayu untuk menyediakan persekitaran dan tempat kerja yang selamat, secara yang praktik, di bawah s 15(1) AKKP. Apabila JKKP menjalankan siasatan selepas mendapat maklumat kemalangan tersebut, hasil siasatan telah menjuruskan pihak JKKP untuk mengeluarkan notis perbaikan di bawah ss 48, 49 dan 50 AKKP pada 20 September 2018 (rujuk eksh P11(A-D) di ms 34–37 RR Jld 3). Dan mahkamah ini mendapati dalam tempoh tujuh hari sahaja pihak perayu telah memperbetulkan kegagalan yang dilaporkan dalam notis-notis tersebut dengan penambahbaikan yang dibuat. Ini bermakna penambahbaikan tersebut adalah praktikal untuk dibuat oleh pihak perayu tanpa keperluan mengambil tempoh masa yang lama.

[59] Mahkamah ini juga merujuk secara ringkas kepada kes *Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja v Sri Kamusan Sdn Bhd* [2013] 7 MLJ 397 yang dirujuk oleh pihak-pihak dalam hujahan. Kes tersebut boleh dibezakan dengan kes ini oleh sebab kemalangan berlaku selepas waktu kerja dan Mahkamah Tinggi memutuskan majikan dalam kes tersebut tidak mempunyai tanggungjawab untuk mengawal seiia pekerjanya selepas waktu kerja.

[60] Satu kes lagi yang ingin saya ulas di sini secara ringkas ialah kes di Mahkamah Tinggi Singapura iaitu *Chua Ah Beng v C & P Holdings Pte Ltd* [2001] SGHC 88. Pihak perayu bergantung kepada kes tersebut untuk menunjukkan bahawa pihak majikan tidak boleh diharapkan untuk membuat SOP yang terlalu terperinci memandangkan seorang pekerja adalah pakar

dalam bidangnya dan boleh menjalankan tugasnya mengikut hemah dan pengalamannya sendiri. Namun, kes tersebut ialah tindakan saman oleh pekerja terhadap majikan dan keterangan yang bercanggah oleh pekerja telah menggagalkan tuntutannya terhadap pihak majikan bahawa telah berlaku 'breach of statutory duties'. Oleh yang demikian, kes tersebut boleh dibezakan dengan kes terhadap perayu di sini yang merupakan tindakan penguatkuasaan (jenayah) oleh pihak berwajib atas kemalangan yang berlaku di tempat kerja.

[61] Setelah menimbangkan keseluruhan keterangan, ekshibit dan alasan penghakiman seta hujahan pihak-pihak, mahkamah mendapati pihak responden telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu sebagaimana yang ditetapkan di bawah s 15(1) AKKP. Keterangan yang telah dikemukakan oleh semua saksi pendakwaan adalah konsisten serta berkait antara satu sama lain. Di akhir kesemua keterangan ini, pihak responden telah menunjukkan kepada mahkamah bahawa gabungan semua keterangan ini secara keseluruhannya teah menghasilkan satu fakta kejadian yang mana perayu melakukan kesalahan di bawah s 15(1) AKKP tersebut. Oleh yang demikian, mahkamah mengekalkan sabitan oleh HMS terhadap perayu.

[62] Mengenai hukuman, setelah mendengar mitigasi oleh perayu dan hujahan TPR, mahkamah turut mengekalkan hukuman denda RM30,000 yang dikenakan oleh HMS terhadap perayu. Hukuman tersebut adalah mematuhi peruntukan undang-undang AKKP dan tidaklah *manifestly excessive* memandangkan kes dijalankan sehingga ke akhirnya dan saksi-saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Hukuman yang dijatuhkan juga adalah wajar dan selari dengan trend hukuman bagi kesalahan di bawah s 15(1) AKKP. Responden dalam hujahannya telah merujuk kepada kes *Petronas Cari Gali lwn Pendakwa Raya* [2019] MLJU 2166; [2020] 1 LNS 2315 di mana perayu dikenakan denda maksimum RM50,000 di akhir perbicaraan (rayuan ditolak dan sabitan dikekalkan) sebagai perbandingan.

[63] Mahkamah rayuan tidak akan mengusik hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah bawah melainkan ia terbukti salah atau tidak sesuai dengan fakta dan keadaan kes yang telah dibuktikan: *Public Prosecutor v Mohamed Nor & Ors* [1985] 2 MLJ 200b.

KESIMPULAN

[64] Berdasarkan kesemua pertimbangan di atas, mahkamah ini tidak mendapati kekhilafan dari segi fakta dan undang-undang dalam dapatan dan keputusan HMS tersebut terhadapkes perayu. Oleh yang demikian, rayuan ditolak. Sabitan dan hukuman dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail